

|             |   |              |                     |
|-------------|---|--------------|---------------------|
| Headline    | <b>RM20 juta ubah suai Hospital Mersing</b> | Language     | MALAY               |
| Date        | 05. Mar 2008                                | Page No      | B8                  |
| Media Title | <b>Berita Harian (Southern)</b>             | Article Size | 310 cm <sup>2</sup> |
| Section     | News  | Frequency    | Daily               |
| Circulation | 231163                                      | Color        | Full Color          |
| Readership  | 1368000                                     |              |                     |



# **RM20 juta ubah suai Hospital Mersing**

Oleh Sahlina Sakhirin

**M**ERSING: Hospital Mersing akan berubah wajah tidak lama lagi apabila Kementerian Kesihatan akan mengubah suai dan membesarkan wad pembedahan membabitkan kos RM20 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Timbalan Menteri Kesihatan yang juga calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Mersing, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad; berkata usaha meningkatkan kemudahan di hospital berkenaan penting bagi menampung keperluan kira-kira 90,000 penduduk di daerah itu.

Beliau berkata, ketika ini, pihaknya berpendapat langkah mengubah suai adalah lebih praktikal berbanding memindahkan hospital di lokasi sedia ada berikutan kedudukannya terletak berhampiran pantai cukup strategik dan unik.

"Selain itu, penduduk di sini juga akan mempunyai sebuah klinik kesihatan dengan kos pembinaan bernilai RM16 juta yang akan dilengkapi kemudahan rawatan pesakit luar, klinik ibu dan kanak-kanak, selain quarters kakitangan.

"Peruntukan membina klinik berkenaan sudah diluluskan Kabinet sebelum ini dan kita dalam proses menyelesaikan perkara berkaitan pemilihan tanah," katanya ketika merasmikan Karnival Kesihatan 2008 peringkat daerah di Mini Stadium Mersing, di sini, kelmarin.

Hadir sama, Pegawai Daerah Mersing, Abd Razak Hassan; Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Johor, Dr Marzuki Md Isa; dan calon BN Dewan Undangan Negeri (DUN Tenggaroh), S Muru Kasvary.

Sebelum itu, Dr Abdul Latiff diiringi lebih 200 penunggang motosikal yang memakai kemeja-T BN dan membawa bendera parti berkenaan dari Dewan Jubli Intan ke pekarangan Mini Stadium Mersing bagi merasmikan Karnival berk-enaan.

Sementara itu, Abd Razak menggesa penduduk Mersing dan kawasan sekitarnya supaya dapat menggunakan perkhidmatan kesihatan dengan sebaik mungkin serta mementingkan kesihatan diri dan keluarga.

Sempena majlis itu, persembahan sketsa kesihatan bertajuk 'Pak Uda' dan tarian dari Kelab Seni Budaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) juga diadakan.

**TAHNIAH:** Dr Latiff menyampaikan cenderamata kepada Letenan (B) Basir Abd Rahman yang mengadakan pertunjukkan para motor pada Karnival Kesihatan 2008 peringkat daerah Mersing.

